

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai garis panduan bagi perkhidmatan Kerajaan yang boleh diswastakan demi memastikan keselamatan negara tidak dijejaskan. Sekiranya ada, nyatakan secara terperinci tentang garis panduan tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan Pelan Induk Penswastaaan sebagai panduan kepada pelaksanaan projek-projek penswastaaan termasuk perkhidmatan Kerajaan yang akan diswastakan. Bagi memastikan keselamatan negara tidak terjejas selepas perkhidmatan Kerajaan diswastakan, beberapa langkah keselamatan telah diambil antara lain seperti berikut:

- (i) perkhidmatan Kerajaan yang dikenalpasti sesuai untuk diswastakan adalah perkhidmatan kesihatan, latihan, perkhidmatan haiwan dan penyelidikan serta tidak melibatkan isu pertahanan dan keselamatan negara. Sebagai contoh: PUSPAKOM yang mana perkhidmatan yang diswastakan adalah melibatkan pemeriksaan kenderaan komersial dan persendirian; dan
- (ii) walaupun perkhidmatan Kerajaan diswastakan, perkara-perkara yang melibatkan kawal selia perkhidmatan Kerajaan tersebut masih di bawah tanggung jawab pihak Kerajaan. Sebagai contoh, Pelabuhan adalah dikawal selia oleh Lembaga Pelabuhan yang berkaitan, PUSPAKOM dikawal selia oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.